

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN  
MENULIS DI SEKOLAH RENDAH**

*(The Implementation Teaching and Learning in Writing Skills At The Primary School)*

CHE ZANARIAH CHE HASSAN  
FADZILAH ABD RAHMAN

**ABSTRAK:** Kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks dan merupakan tugas mencabar bagi guru dan murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Bertitik tolak daripada permasalahan ini kajian ini bertujuan meninjau pendapat guru tentang sikap mereka terhadap pelaksanaan kemahiran menulis serta meninjau strategi pengajaran yang diaplikasikan oleh guru, menganalisis permasalahan kemahiran menulis yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati guru bersetuju bahawa mengajar kemahiran menulis merupakan tanggungjawab guru yang mencabar. Dari segi pengaplikasian strategi pengajaran pula, guru bersetuju bahawa mereka mengajarkan murid kemahiran penulisan yang mudah kepada sukar. Strategi sebegini patut dilaksanakan kerana dapat membantu memudahkan pemahaman murid terhadap kemahiran menulis yang dipelajari. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu iaitu masalah pengetahuan dan kemahiran guru serta masalah kelemahan murid dalam kemahiran menulis. Kajian ini mencadangkan guru-guru perlu bersikap positif terhadap kemahiran menulis dan melaksanakan kemahiran menulis dengan strategi yang lebih berkesan. Selain itu, guru-guru juga patut berusaha mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis melalui pengajaran yang kreatif dan berkualiti agar penguasaan murid dalam kemahiran tersebut dapat ditingkatkan. Guru juga perlu melaksanakan kemahiran menulis berdasarkan sukanan pelajaran terkini.

**Kata kunci:** Aplikasi strategi kemahiran menulis, sikap guru, permasalahan mengajar kemahiran menulis

**ABSTRACT:** This study focused on the implementation of Malay Language writing skills in the teaching and learning process. The respondents were selected through random sampling among various schools in the Kuala Terengganu district. Writing skills rely on a set of cognitive skills which can be considered very complex. Thus, teachers find it is very hard to apply these skills, where as, the pupils struggle or not even try to develop the skills through out the teaching and learning process in classrooms. For that reasons, a study has been done to determine the proficiency level of Malay Language writing skills among the pupils. The finding and tools can be used as guidance for the pupils in improving their writing schools. As for teachers, they could utilize them as alternative in teaching process. The aim of this study is to study the teaching strategies applied by teachers and analyzing the obstacles faced by them as well as the pupils during the Malay Language teaching and learning process. This study has conducted in descriptive way where sets of questionnaires

were used with the scale of likert 5. All data collected are processed using the SPSS version 17.0 software and the findings are further explained in quantitative way. Finding showed that the teachers accepted that it was the teachers' responsibility to teach writing skills, with a highest mean score of 4.61. The report also shows that the teachers accepted the suggestion that content used during the lesson from the range of easy to difficult, with a highest mean score of 4.20. Findings also showed that obstacle occurred in Malay Language teaching and learning process. Among them are lacked of knowledge and teaching skills among teachers and the pupils' inability in writing skills. This study found that teachers should act positively towards the importance of writing skills and better teaching strategies. Apart from that, teachers should overcome any obstacles occurred during the teaching and learning process creatively. Thus, teacher conducted the lesson in quality way and the pupils have better understanding and improving their writing skills. Teachers should also carry out the lesson based on the latest curriculum.

**Key words:** Writing skills application strategies, teacher's attitude, writing skills teaching problem

## PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran bahasa yang turut ditekankan dalam Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu Sekolah Rendah iaitu kurikulum lama yang disemak semula pada tahun 2002 dan dilaksanakan bermula pada tahun 2003. Kepentingan penulisan karangan tergambar dalam kurikulum Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran tersendiri (Roselan Baki, 2003). Selain itu, sukanan pelajaran Bahasa Melayu yang mula dilaksanakan pada awal 2003 juga mengandungi tiga bidang kemahiran baru, iaitu komunikasi interpersonal, berfikir dan nilai. Menurut Abdullah Hassan (2004) sukanan pelajaran lama yang terdahulu tidak memberi tekanan kepada tiga kemahiran baru ini. Murid hanya diajarkan tatabahasa dan terpulanglah kepada murid tersebut menggunakan bahasa menurut tafsiran sendiri. Dalam kurikulum baru ini, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid kerana ia merupakan kemahiran yang paling kompleks.

Menurut Noorazman Mahat (2009), murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan murid menjawab dalam bentuk tulisan dan ada juga yang memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat. Murid yang tidak menguasai kemahiran menulis yang baik sering menghadapi masalah untuk menjawab soalan. Lantaran itu, murid perlu menguasai kemahiran menulis untuk menghuraikan data-data yang tepat, berupaya menyusun jawapan dalam bentuk yang mudah, teratur dan meyakinkan. Sehubungan dengan itu, kemahiran menulis adalah sangat penting dan perlu dilaksanakan berdasarkan penguasaan kemahiran. Roselan Baki (2003) berpendapat, menghasilkan penulisan merupakan suatu proses yang kompleks. Oleh sebab itu, penulisan perlulah dilaksanakan mengikut tahap-tahapnya secara sistematis. Menurut Suhaimi Yunus (2009) ternyata kemahiran menulis dilihat begitu penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia mesti dikuasai oleh murid-murid untuk menduduki peperiksaan bertulis. Kemahiran menulis

yang efektif amatlah penting untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia.

Menurut Chua Soon Bui (2008) pula, berdasarkan Ujian Penapisan K1A2M pada bulan Januari 2008, peratusan dan bilangan murid-murid Tahun 1 sekolah kebangsaan yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca, menulis atau mengira dalam program K1A2M di Sabah adalah sebanyak 65.5% atau 28,700 orang. Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said pula mendedahkan sehingga bulan Mei 2008, seramai 7,430 murid tahun satu di negeri Terengganu masih tidak dapat menguasai kebolehan membaca dan menulis. Sehingga bulan Februari 2010, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula mendedahkan 60% orang murid tahap satu di sekolah rendah seluruh negara masih belum menguasai kemahiran asas iaitu membaca dan menulis. Fakta-fakta yang dipaparkan menunjukkan masalah penguasaan membaca dan menulis murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia masih lagi di tahap membimbangkan.

Seterusnya, masih ramai calon yang mendapat keputusan yang rendah atau gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan UPSR. Menurut Suhaimi Yunus (2009), dalam peperiksaan UPSR, kemahiran penulisan Bahasa Melayu merupakan salah satu mata pelajaran yang diberi penilaian. Menurut A. Chellamal Bagavathy (2005), guru-guru bahasa kerap menghadapi masalah dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana murid-murid agak sukar untuk memahami penulisan Bahasa Melayu. Sementara itu, pencapaian murid-murid dalam penulisan karangan masih kurang memuaskan disebabkan oleh beberapa faktor iaitu kelemahan murid sendiri, sikap negatif murid yang kurang berminat terhadap pelajaran, kelemahan strategi pengajaran guru, kesilapan memilih tajuk, kekurangan isi, pembahagian perenggan, tidak merangka karangan, pengulangan isi, kesalahan tatabahasa, kesuntukan masa, tidak mengikut jumlah perkataan, tidak dapat mengenal pasti format dan penggunaan bahasa dialek.

Selain itu, sikap guru juga menjadi salah satu faktor kegagalan murid menguasai kemahiran menulis. Menurut Haris Fadzilah Kassim (2002), cara dan gaya guru mengajarkan karangan di dalam kelas lebih kepada memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk, demi memenuhi keperluan peperiksaan. Kesannya, hasil karangan yang diberi tumpuan oleh guru dan pengajaran proses mengarang diabaikan. Pengajaran guru kurang memberi pendedahan tentang kemahiran, teknik dan strategi menulis karangan dalam kelas menyebabkan para murid kurang bersedia untuk menulis. Pernyataan kelemahan pengajaran guru dinyatakan oleh Roselan Baki (2001) dalam Roselan Baki (2003) iaitu kebanyakan guru pada umumnya masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan dan mereka menerapkan pengalaman yang dialami ketika mempelajari penulisan di sekolah dahulu sebagai asas mengajarkan penulisan kepada murid-murid.

Masalah guru yang tidak mengikuti sepenuhnya sukatan pelajaran terkini dalam pengajaran kemahiran juga merupakan salah satu faktor yang boleh menjelaskan pencapaian murid dalam kemahiran menulis dan membantutkan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menghasilkan murid yang mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran dan seterusnya mengembangkan kemahiran penulisan (KPM, 2003).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti sikap, aplikasi strategi dan permasalahan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis dalam kalangan guru-guru bahasa Melayu di sekolah rendah. Secara khusus kajian dijalankan ialah untuk:

1. Mengenal pasti sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah daerah Kuala Terengganu.
2. Mengenal pasti aplikasi strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kuala Terengganu.
3. Mengenal pasti masalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah daerah Kuala Terengganu.

## **SOROTAN KAJIAN BERKAITAN**

Aplikasi strategi, sikap dan masalah guru yang dihadapi dalam kelas memberi kesan kepada pembelajaran kemahiran penulisan. Menurut kajian Tay Meng Huat (2003) tentang sikap dan masalah guru dalam pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, mendapati masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah untuk menangani jenis masalah yang berkaitan dengan murid iaitu kelemahan penguasaan asas Bahasa Melayu dalam kalangan murid, masalah pengaruh dialek atau bahasa ibunda murid, masalah malas dan tiada minat. Beliau juga mendapati 87 % masalah pembelajaran Bahasa Melayu oleh murid ialah pengaruh bahasa ibunda atau dialek dan 84.8 % murid tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu.

Menurut Jeyagobi Dhamodarem (2008), kajiannya adalah tentang sikap guru dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu di 4 buah sekolah di kawasan Pensiangan-Salinatan daerah Nabawan Sabah. Sikap guru yang dikaji ialah pengalaman menulis akan menyeronokkan murid, masa yang diperlukan bagi mengajar kemahiran menulis adalah agak lama, mengajar untuk menghabiskan sukatuan, berkongsi maklumat dengan rakan, penyediaan persediaan mengajar membebarkan, mengajar kemahiran menulis secara terus dan guru mengambil berat tentang kemahiran menulis. Guru-guru mengambil berat tentang kemahiran menulis kerana ia merupakan salah satu aspek wajib dalam mengajar bahasa selain aspek lisan dan kefahaman. Selain itu, sikap-sikap lain yang dikaji ialah menjalankan aktiviti penulisan dalam pengajaran dan pembelajaran, mengajar kemahiran menulis mengikut kebolehan murid, berpuas hati mengajar kemahiran menulis, dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat untuk memperbaiki kaedah pengajaran kemahiran menulis. Sikap guru terhadap kemahiran menulis adalah pada tahap tidak memuaskan. Daripada aspek-aspek yang disoal selidik hanya dua aspek berada pada tahap sisihan piawai 0.5 ke bawah. Baki aspek sisihan piawai melebihi 0.5. Ini menunjukkan terdapat pandangan responden amat ketara berbeza-beza. Pihak pentadbir harus memberi perhatian serius dalam usaha mengubah sikap guru-guru bahasa Melayu supaya pengajaran kemahiran menulis kembali ke landasan yang betul.

Selain itu, masalah penulisan karangan murid juga turut berpunca daripada gaya pengajaran guru di dalam kelas. Ini dapat dilihat daripada kajian Haris Fadzilah Kassim (2002) di sebuah sekolah di pinggir kota raya Kuala Lumpur yang telah dipilih sebagai lokasi kajian. Dalam kajian ini dua orang murid tingkatan empat telah dipilih sebagai peserta kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah penulisan karangan di kalangan murid tingkatan empat timbul disebabkan oleh cara dan gaya pengajaran guru di dalam kelas.

Faktor pengajaran guru yang sukar difahami oleh murid mempengaruhi prestasi pelajar dalam penulisan. Ini dibuktikan melalui kajian Abdul Rasid Jamian (2001) ke atas sekumpulan murid Cina di sebuah sekolah di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa hampir 70 peratus daripada responden mengakui bahawa mereka gagal memahami apa yang diajar oleh guru. Selain itu, 62 peratus murid menyatakan bahawa faktor teknik yang digunakan oleh guru dalam pengajaran kemahiran menulis karangan memberi sumbangan yang besar dalam membantu meningkatkan prestasi murid dalam karangan. Kajian ini juga mendapati perkara pertama mengapa situasi ini berlaku adalah disebabkan oleh minat murid-murid Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah kurang. Keadaan ini menyebabkan pencapaian mereka dalam penulisan karangan dan kertas Bahasa Melayu turut terjejas.

Selain daripada kajian tentang sikap guru, terdapat juga kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tentang aplikasi strategi guru dalam pembelajaran dan penulisan Bahasa Melayu. Strategi pengajaran penting kerana menurut Esah Sulaiman (2003) dalam Noor Azizah Ahmad (2006), pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan murid dan pendekatan berpusatkan bahan. Pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif adalah dikatakan strategi pengajaran.

Penggunaan bahan rangsangan tanpa teknik yang berkesan, mendorong kepada kelemahan penguasaan kemahiran penulisan. Kajian Abdul Rasid Jamian (2001) menunjukkan faktor teknik guru menyumbang kepada kelemahan penguasaan kemahiran menulis. Dapatkan ini disokong dengan kajian Shahabudin Hashim dan Rohizani Yaakub (2003) yang berkaitan dengan kesan teknik sumbang saran ke atas pencapaian murid bukan Melayu dalam kemahiran karangan peringkat menengah atas. Kajian dibuat terhadap 60 orang murid yang mewakili dua kelas tingkatan empat. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan dalam peringkat praujian. Pencapaian murid kumpulan eksperimen dalam pasca ujian ialah 65 % berbanding dengan pencapaian murid kumpulan kawalan iaitu 69 %.

Dalam konteks pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula, guru harus melakukan penerapan nilai murni, dan penggunaan bahan yang merentas pelbagai disiplin dalam proses pengajaran (Roselan Baki, 2003). Teknik pengajaran guru juga mestilah sesuai dengan kebolehan murid dengan mengambil kira penggunaan kaedah pembelajaran berdasarkan kajian masa depan, kecerdasan pelbagai dan konsep konstruktivisme untuk meningkatkan minat murid terhadap pelajaran.

Kajian ini juga bertepatan dengan kajian Liza Rozy Anak Ulok (2009), terhadap murid-murid Tahun 3 Sekolah Kebangsaan BT, Kuching, Sarawak menggunakan Kaedah Eklektik yang digabungkan dengan Kaedah Oral-Aural secara berterusan selama dua bulan membawa hasil yang boleh dibanggakan. Murid-murid tersebut mengalami masalah untuk membunyi, menulis, mengingat mahupun mengecam suku kata KVKV. Hasil kajian menunjukkan murid-murid boleh membunyikan, menulis, mengingat serta juga mengecam suku kata KVKV dengan tepat sama ada melihat gambar, tanpa melihat gambar atau hanya mendengar suku kata KVKV yang disebut. Mengajar menggunakan kaedah yang betul dan berkesan menjadi faktor peningkatan pencapaian murid dalam penulisan. Dalam kajian Noor Aainah Ag. Jaafar (2007), program atau kaedah ‘Salin dan Jalin’ yang dilaksanakan kepada pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Kebangsaan Majakir didapati terdapat murid menunjukkan keupayaan mereka menulis karangan dalam jumlah perkataan yang sepatutnya. Meskipun masih ada sebilangan kecil yang kurang menyelerah tetapi usaha yang dibuat melalui kajian tindakan itu telah membawa hasil. Setelah melaksanakan aktiviti kajian selama beberapa minggu ternyata aktiviti yang dilaksanakan telah dapat membantu murid untuk menulis karangan dengan menggunakan jumlah perkataan yang sepatutnya iaitu sekurang-kurangnya 350 patah perkataan. Keputusan kajian menunjukkan bilangan murid yang menulis lebih daripada 450 patah perkataan ialah 10 orang (markah lebih 60%), 350 - 449 patah perkataan ialah 15 orang (markah 55 – 59%), 320 patah perkataan 3 orang (markah 50 – 54%), 300 patah perkataan dua orang (markah 35 – 49%).

Jelaslah bahawa teknik pengajaran yang menarik dan interaktif amat berkesan berbanding dengan teknik pengajaran tradisional. Ini dapat dilihat dalam dapatan kajian Abd. Aziz Abd. Talib (2007), teknik pengajaran konvensional secara syarahan yang berpandukan buku teks, buku latihan topikal dan nota guru masih menjadi amalan. Ini juga menyebabkan topik menjadi tidak menarik, di samping menjadikan murid tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajaran penulisan. Manakala Yahya Othman (2005) dan Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) menyatakan penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Oleh itu, dalam pengajaran kemahiran menulis, penguasaan peringkat asas adalah dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan akhirnya sebuah wacana yang dapat difahami apabila dibaca.

Selain kajian tentang sikap guru dan strategi yang diaplikasikan oleh guru, terdapat kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tentang masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pembelajaran dan penulisan Bahasa Melayu. Salah satu masalah yang dihadapi oleh guru-guru ialah tidak menguasai sukatan baru. Menurut Abdullah Hassan (2004), guru-guru menghadapi masalah mengajar Sukatan Baharu Bahasa Melayu 2003 kerana guru-guru tidak terlatih dalam sukatan baharu yang mengandungi kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK), dan kemahiran bernilai tambah (KBT) dalam pengajaran bahasa Melayu. Oleh sebab itu mereka menggunakan pengalaman dan maklumat peribadi dan tidak berdasarkan ilmu komunikasi interpersonal sebenar. Kemahiran-kemahiran ini tidak diajarkan sebagai kursus dalam pendidikan guru serta sudah tentu tiada kaedah mengajarnya. Selain itu, kecerdasan emosi, kecerdasan pelbagai, kemahiran berfikir,

kemahiran belajar, membuat pengitlakan dan kajian masa depan dalam kemahiran bernilai tambah tidak diberi fokus dalam pendidikan guru tetapi perlu diajarkan oleh guru di sekolah. Hal ini menimbulkan kesukaran kepada guru-guru untuk mengajar kemahiran menulis berdasarkan sukanan baru dan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran.

## METODOLOGI

Kajian ini bermatlamat untuk meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi kemahiran menulis mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian deskriptif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik telah dipilih bagi menjayakan kajian. Aspek-aspek yang dilihat ialah latar belakang guru, iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar, opsyen, kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas, kursus khas Bahasa Melayu serta kursus Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu yang dihadiri. Aspek seterusnya ialah sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis, aplikasi strategi guru dalam pengajaran dan pembelajaran serta masalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di enam buah sekolah rendah di daerah Kuala Terengganu, Terengganu.

Bagi memperolehi maklumat yang diperlukan, instrumen soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat dan data yang diperlukan. Sebahagian kecil instrumen soal selidik dibina berdasarkan soal selidik kajian Jeyagobi Dhamodarem (2008) di sekolah rendah kawasan Pensiangan-Salinatan Daerah Nabawan, Sabah berkaitan persepsi dan sikap guru terhadap kemahiran menulis dan sebahagiannya lagi dibina sendiri. Soal selidik terdiri daripada 4 bahagian iaitu Bahagian A adalah bertumpu kepada latar belakang responden yang merangkumi maklumat boleh ubah bebas seperti umur, jantina, kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas, pengalaman mengajar dan bidang pengkhususan. Bahagian B adalah bertumpu pada sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis, manakala Bahagian C berkenaan aplikasi strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis, dan Bahagian D ialah masalah dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.

Statistik deskriptif digunakan untuk memberikan gambaran tentang latar belakang responden, sikap guru dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis, aplikasi strategi guru dalam pengajaran dan pembelajaran, serta masalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Statistik yang digunakan untuk aspek latar belakang kajian terdiri daripada analisis kekerapan dan peratus. Analisis kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai pula digunakan untuk aspek sikap guru, aplikasi strategi guru dan masalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Pengkaji telah memilih guru-guru dari enam buah sekolah sebagai responden kajian. Responden terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Penyelidikan ini melibatkan 110 orang responden iaitu guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Gong Kapas (8 orang), Sekolah Kebangsaan Gong Tok Nasek (17 orang), Sekolah Kebangsaan Seri Budiman (30 orang), Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1 (38 orang), Sekolah Kebangsaan Tengku Bariah (11 orang), dan Sekolah Kebangsaan Padang Hiliran (6 orang) sekitar daerah Kuala

Terengganu. Pemilihan lokasi ini dibuat kerana kesemua sekolah-sekolah tersebut memenuhi syarat-syarat keperluan kajian. Umumnya, pemilihan kajian ini adalah bertepatan dengan tujuan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini memaparkan secara perinci dapatan kajian berhubung sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Analisis ini diperoleh berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan kepada guru-guru Bahasa Melayu yang telah dikaji.

### **Latar Belakang Responden**

Berdasarkan kepada latar belakang responden, didapati bahawa semua responden yang dikaji ialah guru yang mengajar di bandar dan pinggir bandar Kuala Terengganu. Hal ini menunjukkan kebanyakkan sekolah yang dikaji tidak sukar untuk dihubungi dan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi. Dari segi umur, kebanyakkan responden yang mengajar Bahasa Melayu merupakan guru lama yang berpengalaman berusia 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 52 orang (47.3%), diikuti umur 31 hingga 40 tahun iaitu 49 orang (44.5%), 6 responden berusia 20 hingga 30 tahun (5.5%) dan hanya 3 orang responden berusia 51 hingga 60 tahun (2.7%). Dari segi jantina pula, bilangan guru perempuan yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah yang dikaji lebih ramai daripada guru lelaki iaitu seramai 95 orang (86.4%). Sepertimana umur, guru perempuan lebih ramai mengajar di kawasan bandar. Guru-guru lelaki pula kebanyakannya dihantar bertugas di kawasan luar bandar. Kelayakan akademik amat diperlukan oleh seseorang guru untuk memantapkan tugas mereka. Dari segi taraf pendidikan akademik, kebanyakkan responden memiliki kelulusan STPM iaitu seramai 49 orang (44.5%). Dengan itu dapat dikatakan tahap pengetahuan guru berada di tahap sederhana kerana kebanyakkan guru memiliki taraf akademik SPM dan STPM sahaja.

Dari segi pengkhususan pula, kebanyakkan responden memiliki pengkhususan Bahasa Melayu iaitu seramai 83 orang (75.5%) sementara selebihnya merupakan guru pengkhususan lain. Masih terdapat guru pengkhususan lain mengajar Bahasa Melayu di sekolah terutamanya guru-guru KPLI yang memiliki ijazah dalam bidang lain seperti Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan, Perancang Bandar dan lain-lain tetapi memiliki sijil KPLI dalam Bahasa Melayu. Dari segi pengalaman mengajar pula, kebanyakkan guru memiliki pengalaman 11 hingga 20 tahun (64.5%). Ada guru muda lulusan KPLI yang baru berkhidmat dan ada pula guru yang telah lama berkhidmat tetapi baru mengajar Bahasa Melayu iaitu 1 hingga 5 tahun seramai 14 orang (12.7%). Dari segi kursus khas Bahasa Melayu dalam perkhidmatan, hanya 18 orang yang pernah menghadirinya seperti Kursus Bahasa Melayu KDP 14 minggu atau KSPK setahun). Manakala dari segi kursus Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu 2003 pula, seramai 65 orang (59.1%) yang pernah menghadirinya sama ada anjuran sekolah atau Jabatan Pelajaran Negeri. Selebihnya mengajar sukatan baru Bahasa Melayu tetapi tidak pernah mengikuti taklimat secara khusus.

### Sikap Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis

Hasil daptan kajian (Jadual1) menunjukkan sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Hasil daripada analisis yang berkaitan didapati bahawa pernyataan ke-8, melaksanakan pengajaran kemahiran menulis merupakan tanggungjawab guru memperoleh min skor yang tertinggi iaitu 4.61 (penanda tahap bagi min ialah tinggi) dan SP = .509. Skor min kedua tertinggi ialah pernyataan ke-14 saya menyedari kemahiran menulis dapat membantu penguasaan kemahiran membaca iaitu 4.43 (penanda tahap bagi min ialah tinggi) dan SP = .533. Skor min ketiga tertinggi ialah pernyataan ke-5 saya mengambil berat tentang pengajaran kemahiran menulis iaitu 4.40 (penanda tahap bagi min ialah tinggi) dan SP = .545.

Secara keseluruhan daptan Jadual 1 menunjukkan tahap skor min yang tinggi. Ini dibuktikan dengan jumlah purata min = 4.03 (SP = .670). Namun yang paling ketara sekali ialah ramai guru tidak bersetuju matlamat utama guru mengajar kemahiran menulis hanya untuk menghabiskan sukan pelajaran. Namun demikian ramai guru sangat menyedari bahawa melaksanakan pengajaran kemahiran menulis merupakan tanggungjawab guru.

**Jadual 1: Sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis**

Bil	Pernyataan	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
1	Matlamat utama saya mengajar kemahiran menulis hanya untuk menghabiskan sukan pelajaran	48 43.6	27 24.5	17 15.5	14 12.7	4 3.6	2.08	1.197
2	Saya terus menegur kesilapan semasa murid menulis di kelas	- -	- -	2 1.8	65 59.1	43 39.1	4.37	.522
3	Persediaan mengajar kemahiran menulis yang saya sediakan tidak membebankan saya	- -	2 1.8	15 13.6	81 73.6	12 10.9	3.94	.563
4	Saya mengajar kemahiran menulis yang berorientasikan peperiksaan sahaja	19 17.3	36 32.7	36 32.7	19 17.3	- -	2.50	.974
5	Saya mengambil berat tentang pengajaran kemahiran menulis	- -	- -	3 2.7	60 54.5	47 42.7	4.40	.545
6	Saya melaksanakan kemahiran menulis dengan baik dalam pengajaran dan pembelajaran	- -	- -	11 10.0	73 66.4	26 23.6	4.14	.566
7	Saya mengajar kemahiran menulis untuk merangsang pemikiran murid	- -	- -	2 1.8	81 73.6	27 24.5	4.23	.463
8	Melaksanakan pengajaran kemahiran menulis merupakan tanggungjawab guru	- -	- -	1 0.9	41 37.3	68 61.8	4.61	.509

9	Saya mengajar kemahiran menulis ikut kemampuan murid	- -	- -	3 2.7	70 63.6	37 33.6	4.31	.520
10	Saya berusaha menarik minat murid supaya rajin menulis	- -	- -	9 8.2	63 57.3	38 34.5	4.26	.601
11	Saya mengetahui kepentingan kemahiran menulis	- -	- -	3 2.7	65 59.1	42 38.2	4.35	.535
12	Saya memberi penekanan terhadap tulisan murid saya	- -	- -	1 0.9	69 62.7	40 36.4	4.35	.499
13	Saya mengajar kemahiran menulis berdasarkan sukanan pelajaran terkini	1 0.9	1 0.9	11 10.0	60 54.5	37 33.6	4.19	.723
14	Saya menyedari kemahiran menulis dapat bantu penguasaan kemahiran membaca	- -	- -	2 1.8	59 53.6	49 44.5	4.43	.533
15	Saya mengajar kemahiran menulis seperti yang terdapat dalam persediaan mengajar	1 0.9	1 0.9	23 20.9	65 59.1	20 18.2	3.93	.713
16	Saya puas hati dengan perkembangan kemahiran menulis	- -	- -	12 10.9	86 78.2	12 10.9	4.00	.469
17	Saya berusaha meningkatkan pengetahuan saya dalam kemahiran menulis	- -	- -	5 4.5	72 65.5	33 30.0	4.25	.532
18	Saya menyedari komputer sangat membantu memudahkan pengajaran kemahiran menulis	- -	- -	27 24.5	60 54.5	23 20.9	3.96	.676
19	Saya selalu berbincang dengan rakan tentang pengajaran kemahiran menulis	- -	- -	5 4.5	75 68.2	30 27.3	4.23	.519
20	Saya suka buat rujukan sebelum mengajar kemahiran menulis	- -	- -	8 7.3	76 69.1	26 23.6	4.16	.534
<b>Jumlah Purata Min (N = 110)</b>							4.03	.670

**Petunjuk :**

1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju.

**Aplikasi Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis**

Jadual 2 menunjukkan aplikasi strategi pengajaran kemahiran menulis sekolah rendah. Hasil daripada analisis, didapati bahawa pernyataan ke-3 saya mengajar kemahiran menulis daripada yang mudah kepada yang sukar memperoleh min skor yang tertinggi iaitu 4.20 (penanda tahap bagi min ialah tinggi) SP = .538. Skor min kedua tertinggi ialah pernyataan ke-5 saya sentiasa memberi pendedahan kepada murid sebelum menulis iaitu 4.09 (penanda tahap bagi min ialah tinggi) SP = 0.551, manakala skor min ketiga tertinggi ialah pernyataan 1 saya merancang dahulu sebelum mengajar kemahiran menulis iaitu 4.03 (penanda tahap bagi min ialah tinggi) SP = .478.

Secara keseluruhan analisis dalam Jadual 2 menunjukkan tahap skor min yang tinggi tetapi menghampiri tahap sederhana 3.67. Ini dibuktikan dengan jumlah purata min =3.72 (SP = .606). Teknik mengajar kemahiran menulis daripada yang mudah

kepada yang sukar, dilaksanakan dengan baik oleh guru tetapi guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar elektronik seperti radio dan televisyen semasa mengajar kemahiran menulis.

**Jadual 2: Aplikasi strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran menulis**

Bil	Pernyataan (Teknik Pengajaran)	1 SB %	2 B %	3 KB %	4 SB %	5 TB %	Min	SP
1	Saya merancang dahulu sebelum mengajar kemahiran menulis.	- -	- -	11 10.0	85 77.3	14 12.7	4.03	.478
2	Strategi pengajaran kemahiran menulis saya berpusatkan murid.	- -	2 1.8	34 30.9	68 61.8	6 5.5	3.71	.596
3	Saya mengajar kemahiran menulis daripada yang mudah kepada yang sukar	- -	- -	7 6.4	74 67.3	29 26.4	4.20	.538
4	Saya terus menyemak hasil penulisan murid secara perinci.	- -	- -	21 19.1	70 63.6	19 17.3	3.98	.606
5	Saya memberi pendedahan kepada murid sebelum menulis.	- -	- -	12 10.9	76 69.1	22 20.0	4.09	.551
6	Saya mengadakan pemulihan kepada murid lemah semasa mengajar kemahiran menulis	- -	3 2.7	27 24.5	62 56.4	18 16.4	3.86	.710
7	Saya menggunakan pelbagai bahan dan sumber semasa mengajar kemahiran menulis	- -	- -	38 34.5	66 60.0	6 5.5	3.71	.564
8	Saya selalu menggunakan bahan bantu mengajar elektronik seperti radio dan televisyen semasa mengajar kemahiran menulis	1 0.9	21 19.1	76 69.1	12 10.9	- -	2.90	.574
9	Saya menggunakan Internet sebagai bahan bantu mengajar kemahiran menulis.	6 5.5	24 21.8	48 43.6	30 27.3	2 1.8	2.98	.888
10	Bahan bantu mengajar yang saya gunakan sangat sesuai dengan kemahiran menulis	- -	- -	33 30.0	70 63.6	7 6.4	3.76	.557
	<b>Jumlah Purata Min</b>						3.72	.606

### **Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis**

Jadual 3 menunjukkan masalah guru dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Hasil daripada analisis yang berkaitan didapati bahawa pernyataan 1 guru tidak memahami kandungan sukatan pelajaran memperoleh min skor yang tertinggi iaitu 4.24 (penanda tahap bagi min ialah tinggi) SP = .703, skor min kedua tertinggi ialah pernyataan ke-2 guru tidak mahir mengajar kemahiran menulis

iaitu 4.21 (penanda tahap bagi min ialah tinggi)  $SP = .592$ , manakala skor min ketiga tertinggi ialah pernyataan ke-7 guru tidak mahir mengajar karangan berformat iaitu 4.15 (penanda tahap bagi min ialah tinggi)  $SP = .744$  dan seterusnya diikuti pernyataan ke-3 guru tidak mahir sistem bahasa (tatabahasa) yang betul iaitu 4.13 (penanda tahap bagi min ialah tinggi)  $SP = .622$ .

Secara keseluruhannya dalam dapatan Jadual 3 menunjukkan tahap skor min yang tinggi. Ini dibuktikan dengan jumlah purata min = 4.07 ( $SP = 0.687$ ). Kebanyakan guru tidak bermasalah memahami kandungan sukatan pelajaran. Namun ada guru yang masih tidak mahir teknik penilaian hasil karangan murid.

**Jadual 3: Masalah pengajaran kemahiran menulis**

Bil	Pernyataan (Masalah Guru)	1 SB %	2 B %	3 KB %	4 SB %	5 TB %	Min	SP
1	Tidak memahami kandungan sukatan pelajaran	-	-	17 15.5	50 45.5	43 39.1	4.24	.703
2	Tidak mahir mengajar kemahiran menulis	-	-	10 9.1	67 60.9	33 30.0	4.21	.592
3	Tidak mahir sistem bahasa (tatabahasa) yang betul	-	-	15 13.6	66 60.0	29 26.4	4.13	.622
4	Kekurangan masa mengajar kemahiran menulis	-	-	29 26.4	60 54.5	21 19.1	3.93	.673
5	Tidak mahir teknik penilaian hasil karangan murid	-	4 3.6	25 22.7	61 55.5	20 18.2	3.88	.739
6	Sukar mengajar kemahiran menulis yang terdapat dalam buku teks	-	2 1.8	26 23.6	57 51.8	25 22.7	3.95	.734
7	Tidak mahir mengajar karangan berformat	-	-	23 20.9	47 42.7	40 36.4	4.15	.744
<b>Jumlah Purata Min</b>							4.07	0.687

Jadual 4 menunjukkan masalah murid dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Hasil daripada analisis yang berkaitan didapati bahawa pernyataan ke-14 murid tidak memahami bahan rangsangan memperoleh min skor yang tertinggi iaitu 3.19 (penanda tahap bagi min ialah sederhana)  $SP = .748$ , skor min kedua tertinggi ialah pernyataan ke-19 murid menyalin soalan sahaja dalam ujian iaitu 3.18 (penanda tahap bagi min ialah sederhana)  $SP = 1.051$ . Terdapat dua pernyataan yang memperoleh skor min yang sama 3.15 (penanda tahap bagi min ialah sederhana) iaitu pernyataan ke-15 murid tidak memahami kehendak soalan dalam penulisan karangan ( $SP = .740$ ) dan pernyataan ke-21 murid tidak memahami arahan soalan ( $SP = .917$ ).

Secara keseluruhan analisis dalam Jadual 4 menunjukkan tahap skor min yang sederhana. Ini dibuktikan dengan jumlah purata min = 2.93 ( $SP = .849$ ). Pernyataan murid tidak memahami bahan rangsangan kurang menjadi masalah tetapi struktur ayat murid lemah merupakan masalah yang ketara.

**Jadual 4: Masalah pembelajaran kemahiran menulis**

Bil	Pernyataan (Masalah Murid)	1 SB %	2 B %	3 KB %	4 SB %	5 TB %	Min	SP
8	Struktur ayat murid lemah	8 7.3	57 51.8	38 34.5	6 5.5	1 0.9	2.41	.746
9	Banyak kesalahan tanda baca	3 2.7	48 43.6	44 40.0	15 13.6	- -	2.65	.749
10	Kekurangan perbendaharaan kata dalam ayat	3 2.7	41 37.3	49 44.5	16 14.5	1 0.9	2.74	.774
11	Pengaruh bahasa dialek	15 13.6	43 39.1	37 33.6	12 10.9	3 2.7	2.50	.955
12	Tidak boleh mengulas nilai murni kerana tidak memahami petikan	5 4.5	20 18.2	48 43.6	34 30.9	3 2.7	3.09	.884
13	Tidak mahir membina ayat	1 0.9	27 24.5	43 39.1	38 34.5	1 0.9	3.10	.812
14	Tidak memahami bahan rangsangan	1 0.9	17 15.5	54 49.1	36 32.7	2 1.8	3.19	.748
15	Tidak memahami kehendak soalan dalam penulisan karangan	5 4.5	8 7.3	63 57.3	34 30.9	- -	3.15	.740
16	Tulisan sukar dibaca	2 1.8	31 28.2	44 40.0	30 27.3	3 2.7	3.01	.862
17	Kesalahan ejaan di dalam ayat	2 1.8	55 50.0	23 20.9	30 27.3	- -	2.74	.885
18	Kesalahan imbuhan di dalam ayat	- -	29 26.4	49 44.5	32 29.1	- -	3.03	.748
19	Menyalin soalan sahaja	6 5.5	18 16.4	52 47.3	18 16.4	16 14.5	3.18	1.051
20	Murid tidak boleh menulis kerana tidak menguasai kemahiran membaca	4 3.6	28 25.5	40 36.4	28 25.5	10 9.1	3.11	1.008
21	Tidak memahami arahan soalan	3 2.7	26 23.6	37 33.6	40 36.4	4 3.6	3.15	.917
	<b>Jumlah Purata Min</b>						2.93	0.849

### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Melalui analisis yang dilaksanakan, didapati pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis masih berada di tahap sederhana dan belum mencapai sepenuhnya objektif yang disasarkan. Namun demikian terdapat juga beberapa pernyataan yang berada di tahap tinggi. Sikap positif guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis belum memuaskan kerana masih ada segelintir guru yang bersikap negatif. Aplikasi strategi guru juga masih kurang memuaskan sementara masalah yang

dihadapi menjadi penghambat kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis yang berkesan di sekolah rendah.

Berkaitan dengan sikap guru terhadap kemahiran menulis, didapati ramai guru sangat bersetuju dan sedar bahawa melaksanakan pengajaran kemahiran menulis merupakan tanggungjawab guru. Justeru guru Bahasa Melayu berusaha mengajar kemahiran menulis dengan baik kepada murid agar murid dapat menguasai kemahiran tersebut. Di samping itu, guru juga turut bersetuju penguasaan kemahiran menulis dapat membantu meningkatkan penguasaan membaca kerana sewaktu murid-murid menulis atau menyalin perkataan ayat, secara tidak langsung otak mereka akan melihat dan meneliti perkataan yang ditulis. Jika murid kerap menulis, secara tidak langsung murid akan membaca perkataan yang ditulis dan hal ini memudahkan mereka mengingat perkataan tersebut. Kemahiran menulis juga secara tidak langsung dapat memperkuuh penguasaan membaca murid-murid. Selain itu, kebanyakan guru bersetuju bahawa mereka mengambil berat terhadap kemahiran menulis kerana ia merupakan salah satu daripada kemahiran bahasa yang penting kepada murid-murid selain daripada kemahiran lisan dan kemahiran membaca. Perkara ini bertepatan dengan dapatan kajian Faridah Serajul Haq dan rakan-rakan (2001) iaitu proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis juga perlu diberi perhatian bagi menjamin kecemerlangan pencapaian penulisan dalam kalangan murid. Dapatkan tersebut turut disokong oleh dapatan kajian Jeyagobi Dhamodarem (2008), iaitu guru-guru mengambil berat tentang kemahiran menulis kerana ia merupakan salah satu aspek wajib dalam mengajar bahasa selain aspek lisan dan kefahaman.

Beberapa pernyataan positif lain turut dipersetujui oleh guru-guru iaitu guru terus menegur kesilapan semasa murid di kelas, guru memberi penekanan terhadap tulisan murid dan guru mengetahui kepentingan kemahiran menulis. Guru juga bersetuju dengan beberapa pernyataan positif lain iaitu guru mengajar kemahiran menulis mengikut kemampuan murid, guru berusaha menarik minat murid supaya rajin menulis dan guru berusaha meningkatkan pengetahuan dalam kemahiran menulis. Seterusnya guru-guru juga turut bersetuju dengan beberapa pernyataan lagi iaitu guru mengajar kemahiran menulis untuk merangsang pemikiran murid, guru selalu berbincang dengan rakan tentang pengajaran kemahiran menulis, guru mengajar kemahiran menulis berdasarkan sukanan pelajaran terkini dan guru suka membuat rujukan sebelum mengajar kemahiran menulis. Selain itu, guru-guru turut bersetuju dengan pernyataan guru telah melaksanakan kemahiran menulis dengan baik dalam pengajaran dan pembelajaran, guru berpuashati dengan perkembangan kemahiran menulis, dan guru menyedari komputer sangat membantu memudahkan pengajaran kemahiran menulis. Terdapat beberapa pernyataan lain yang dipersetujui oleh ramai guru iaitu persediaan mengajar yang disediakan tidak membebankan guru dan guru mengajar kemahiran menulis seperti yang terdapat dalam persediaan mengajar yang disediakan.

Namun demikian, ramai guru sangat tidak bersetuju dengan pernyataan matlamat mereka mengajar kemahiran menulis hanya untuk menghabiskan sukanan pelajaran sahaja. Guru-guru mengajar mengikut kemahiran yang terdapat di dalam buku teks dan tidak hanya menumpukan kepada format peperiksaan semata-mata

Kerana kebanyakan guru tidak bersetuju dengan pernyataan guru mengajar kemahiran menulis yang berorientasikan peperiksaan sahaja. Pernyataan tersebut bertentangan dengan dapatan kajian Seman Salleh (2005) iaitu fokus pengajaran kepada peperiksaan menyebabkan guru-guru terikat dengan langkah-langkah dan peruntukan masa yang terbatas sehingga guru-guru tidak ‘mampu’ untuk berinteraksi dengan murid. Kaedah pengajaran yang berfokus kepada peperiksaan memberi implikasi kepada suasana pengajaran dan pembelajaran pada hari berkenaan.

Oleh yang demikian, hasil kajian bagi analisis sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis dapatlah disimpulkan bahawa sikap positif guru penting dalam usaha meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Secara keseluruhannya, sikap guru terhadap kemahiran menulis adalah pada tahap sederhana kerana didapati masih ada segelintir guru yang bersikap negatif terhadap pengajaran kemahiran menulis. Pihak pentadbir harus memberi perhatian serius dalam usaha mengubah sikap negatif sesetengah guru bahasa Melayu supaya pengajaran kemahiran menulis tidak terpesong dari landasan yang betul.

### **Aplikasi Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis**

Dari aspek pengaplikasian strategi pengajaran pula, dapatan kajian menunjukkan ramai guru mengaplikasikan strategi yang betul dan menggunakan teknik yang sesuai semasa mengajar kemahiran menulis. Pernyataan mengajar kemahiran menulis kepada murid-murid daripada isi pelajaran yang mudah dahulu barulah berpindah kepada yang sukar berada di tahap baik dan mendapat skor min yang tertinggi. Strategi sebegini akan memudahkan murid memahami dan menguasai kemahiran menulis yang diajar. Jika murid diajar isi pelajaran yang sukar tentulah murid sukar memahaminya dan ini akan menyebabkan murid-murid tidak berminat untuk mengikuti pelajaran. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ahmad Khair Mohd. Nor (2005), dalam pengajaran kemahiran menulis, penguasaan peringkat asas adalah dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan akhirnya sebuah wacana yang dapat difahami apabila dibaca.

Di samping itu, pernyataan yang memperoleh skor min kedua tertinggi ialah guru sentiasa memberi pendedahan kepada murid sebelum menulis. Pendedahan yang diberi kepada murid-murid akan membantu memudahkan pemahaman murid terhadap hasil pembelajaran yang diajar. Jika guru meminta murid menulis perkataan, ayat atau karangan tanpa sebarang penerangan atau contoh, murid tidak dapat mengetahui gambaran umum tentang sesuatu tajuk dan murid juga akan sukar untuk memahaminya.

Selain itu, pernyataan yang mendapat skor ketiga tertinggi juga berada di tahap baik iaitu guru merancang dahulu sebelum mengajar kemahiran menulis. Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian Seman Salleh (2005) iaitu persediaan yang lebih terancang terutama sebelum sesuatu pengajaran tidak dilaksanakan oleh guru. Seterusnya pernyataan-pernyataan lain yang berada di tahap baik ialah guru menyemak hasil penulisan murid secara terperinci. Dengan itu, guru dapat mengesan kesilapan dan kelemahan murid. Jika hasil penulisan disemak secara umum terlebih dahulu, terdapat kesilapan yang tidak disedari oleh guru dan murid juga lambat mengetahui kesilapan

mereka. Kebanyakan guru menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu tetapi kurang menggunakan bahan bantu elektronik seperti radio dan televisyen. Penggunaan bahan bantu mengajar teknologi maklumat dan komunikasi seperti komputer dan internet juga tidak digunakan dengan meluas walaupun kebanyakan guru mengetahui kepentingan dan keberkesanannya terhadap pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini bertepatan dengan kajian Abdul Rasid Jamian (2001) faktor teknik guru menyumbang kepada kelemahan penguasaan kemahiran menulis.

### **Masalah Guru dalam Pengajaran Kemahiran Menulis**

Dapatkan menunjukkan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan guru dalam pengajaran kemahiran menulis adalah tidak memahami kandungan sukanan pelajaran terkini, guru juga tidak mahir mengajar kemahiran menulis, dan guru juga tidak mahir teknik penilaian hasil karangan murid. Ramai guru bersetuju mereka tidak memahami kandungan sukanan pelajaran terkini berdasarkan Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu 2003. Justeru, kebanyakan guru juga tidak mahir mengajar kemahiran menulis sebagaimana yang terkandung dalam sukanan pelajaran. Masih ramai guru yang mengajar kemahiran menulis mengikut kemahiran lama. Kemahiran baru yang agak sukar diabaikan oleh guru. Hal ini bertepatan dengan pendapat Abdullah Hassan (2004) iaitu guru-guru menghadapi masalah mengajar sukanan baru Bahasa Melayu (2003) kerana guru-guru tidak terlatih dalam sukanan baru yang mengandungi kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK), dan kemahiran bernilai tambah (KBT) dalam pengajaran Bahasa Melayu. Oleh sebab itu, mereka menggunakan pengalaman dan maklumat peribadi dan tidak berdasarkan ilmu komunikasi interpersonal sebenar. Kemahiran-kemahiran ini tidak diajarkan sebagai kursus dalam pendidikan guru serta sudah tentu tiada kaedah mengajarnya.

Selain itu, kecerdasan emosi, kecerdasan pelbagai, kemahiran berfikir, kemahiran belajar, membuat pengitlakan dan kajian masa depan dalam kemahiran bernilai tambah tidak diberi fokus dalam pendidikan guru tetapi perlu diajarkan oleh guru di sekolah. Selain itu, guru juga tidak mahir teknik penilaian hasil karangan murid khususnya karangan murid tahap dua yang lebih rumit. Kelemahan ini akan menyebabkan guru juga tidak dapat mengajar karangan dengan baik dan berkesan kepada murid-murid. Hal ini bertepatan dengan kajian Haris Fadzilah Kassim (2002) iaitu masalah penulisan karangan di kalangan tingkatan empat timbul disebabkan oleh cara dan gaya pengajaran guru di dalam kelas.

### **Masalah Murid dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis**

Selain daripada masalah yang dihadapi oleh guru, dapatkan menunjukkan antara masalah yang dihadapi oleh kebanyakan murid adalah tidak memahami bahan rangsangan, murid yang menyalin soalan sahaja semasa latihan atau ujian, dan murid-murid juga tidak memahami kehendak soalan dalam penulisan karangan. Guru-guru bersetuju bahawa kebanyakan murid tidak memahami bahan rangsangan yang ditunjukkan oleh guru semasa pengajaran atau bahan rangsangan di dalam kertas

peperiksaan. Apabila murid tidak memahami bahan rangsangan terutama jika soalan berkaitan karangan bergambar, murid akan menulis perkataan atau ayat yang tidak menepati kehendak soalan atau bahan rangsangan tersebut. Hal ini akan menjelaskan pencapaian murid dalam kemahiran menulis. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan Nadzeri Isa (2001) iaitu penggunaan bahan rangsangan dalam pengajaran penulisan karangan telah berjaya meningkatkan prestasi penulisan karangan dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, guru-guru perlu memastikan bahan rangsangan yang digunakan sesuai dan mudah difahami oleh murid.

Selain itu, guru-guru bersetuju ramai murid yang menyalin soalan sahaja semasa latihan atau ujian kerana murid tidak dapat menjawab soalan. Hal ini kerana kelemahan murid dalam kemahiran menulis sama ada dari aspek mekanis ataupun mentalis. Ini bertepatan dengan hasil kajian Suhaimi Yunus (2009), 30% murid amat lemah dalam penggunaan sistem ejaan Bahasa Melayu dan tanda baca yang betul. Kebanyakan murid mengabaikan aspek ini. Ejaan tidak diberikan perhatian oleh mereka walaupun mereka sedar akan setiap kesalahan ejaan akan dipotong markah. Murid-murid juga tidak memahami kehendak soalan dalam penulisan karangan. Akibatnya murid kerap menulis karangan yang terpesong daripada tajuk yang dikehendaki. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Hartini Husain (2005) iaitu kegagalan memahami kehendak soalan menjadikan murid gagal untuk menghasilkan sebuah rumusan karangan yang menepati kehendak soalan bagi mendapatkan markah yang tinggi.

Sehubungan itu, guru perlu berusaha mengatasi kelemahan murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu. Hal ini selari dengan pendapat Abd. Aziz Abd. Talib (2000) iaitu kelemahan murid-murid yang lebih berkaitan dengan aspek bahasa adalah pelbagai. Semua kelemahan itu ialah kelemahan bahasa dalam bentuk penulisan, dan merupakan masalah yang perlu diatasi sekiranya guru menginginkan murid-muridnya menulis karangan dengan baik dan bermutu tinggi.

Kebanyakan guru mengajar kemahiran menulis kepada murid-murid daripada isi pelajaran yang mudah dahulu barulah berpindah kepada yang sukar. Selain itu, guru yang memberi pendedahan kepada murid sebelum menulis juga akan membantu memudahkan pemahaman murid terhadap hasil pembelajaran yang diajar. Selain itu, dengan terus menyemak hasil penulisan murid secara terperinci, guru dapat mengesan kesilapan dan kelemahan murid. Kebanyakan guru menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Penggunaan bahan bantu mengajar teknologi maklumat dan komunikasi seperti komputer dan internet juga ada digunakan oleh sesetengah guru. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan Ruhaida Mansor (2005), iaitu penggunaan alat bantu mengajar (ABM) sewaktu mengajar dapat membantu guru meningkatkan kemahiran murid dalam mengenal dan menulis abjad.

## CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian dan rumusan, diharap kajian ini dapat membantu guru, ibu bapa, sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah dan Kementerian Pelajaran Malaysia

menjayakan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lebih berkesan. Kreativiti seseorang guru memainkan peranan penting dalam kecekapan guru mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Untuk itu, aspek psikologi dan profesional perlu diambilkira. Aspek psikologi ialah pengajaran yang memberikan suasana sihat untuk belajar, manakala aspek profesional pula dilihat daripada kemahiran guru mengajar dengan pengaplikasian pelbagai kaedah dan strategi serta bahan bantu mengajar yang memudahkan pemahaman murid, menggalakkan minat belajar murid dan guru juga mempunyai pengetahuan yang luas lagi mendalam untuk membantu murid dalam pembelajaran. Oleh itu, guru bukan sahaja diharapkan komited dengan program pengajaran yang diamanahkan di sekolah malah perlu bijak menggunakan pelbagai kaedah dan bahan pengajaran yang berkesan. Segala kemudahan yang ada seharusnya digunakan dengan sepenuhnya bersesuaian dengan tempat dan tahap kebolehan murid untuk memastikan sesi pengajaran berjalan dengan lancar dan murid tidak berasa bosan untuk mengikutinya.

Selain itu, guru juga seharusnya sentiasa memantau pemahaman dan pencapaian murid dari semasa ke semasa. Oleh itu, tahap pencapaian murid perlu dinilai dengan tepat dan teliti serta direkod secara berterusan untuk membolehkan guru melihat perkembangan selanjutnya. Namun, untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan, penggunaan bahan bantu mengajar yang realistik dan nyata serta berbentuk audio visual perlu lebih kerap digunakan supaya murid dapat memahami sesuatu konsep dengan jelas. Hal ini perlu terutama kepada murid-murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran menulis iaitu lemah dalam pengamatan dan sukar membuat perkaitan dengan konsep pembelajaran. Penguasaan murid yang pandai pula dapat diperkuuh dan diperkaya lagi. Penggunaan internet dan komputer dengan perisian yang menarik dan interaktif oleh guru amat digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.

Pihak pentadbir sekolah perlu memberi galakan dan menyediakan kemudahan kepada panitia Bahasa Melayu untuk menganjurkan kursus dalaman kepada guru-guru lama yang sudah biasa dengan sukatan lama. Guru-guru baru lulusan ijazah pendidikan juga boleh berkongsi pengetahuan mereka tentang kurikulum baru yang dipelajari semasa di universiti ataupun institut pendidikan guru. Perkara ini akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam sukatan pelajaran baru.

Pihak Panitia Mata Pelajaran Bahasa Melayu pula berperanan besar membantu dalam pemilihan, kesesuaian dan penggunaan bahan bantu mengajar terutama dari segi bahan kemahiran menulis. Bantuan ini boleh dilaksanakan dengan sesi perbincangan dengan guru, mesyuarat panitia dan kursus dalaman di peringkat sekolah. Dengan adanya usaha seumpama ini tentunya pembinaan bahan bantu mengajar oleh para guru dapat dilaksanakan dengan lebih lancar. Pihak panitia juga perlu mengadakan perbincangan tentang sukatan pelajaran baharu dari semasa ke semasa agar guru-guru dapat menguasainya dengan baik.

Di samping itu, seboleh-bolehnya guru Bahasa Melayu tidak dilibatkan dengan tugas yang terlalu banyak serta berat sehingga mengakibatkan mereka kekurangan masa untuk merancang aktiviti pengajaran dengan lebih berkesan. Maka pihak sekolah

perlu memikirkan bagaimana tugas luar bidang tidak akan mendatangkan masalah kepada guru-guru tersebut.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis harus dijalankan dengan berkesan agar usaha untuk meningkatkan penguasaan 3M khususnya kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid dapat dicapai. Peranan guru sangat penting di sekolah sebagai pembimbing murid-murid dalam pembelajaran kemahiran menulis. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan pencapaian murid-murid dalam Bahasa Melayu Penulisan di sekolah rendah. Seterusnya skop kajian boleh diperluas dan dimantapkan dengan melaksanakan kajian lanjut seperti yang dicadangkan. Hal ini amat penting dan bermakna dalam membantu pelbagai pihak untuk mendapatkan hasil pencapaian yang terbaik. Sesungguhnya sesuatu kejayaan itu tidak akan dicapai dengan mudah tanpa usaha yang bersungguh-sungguh seperti kata pepatah "*Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*".

## RUJUKAN

- A. Chellamal Bagavathy. (2005). Mengatasi kelemahan murid menguasai aspek tatabahasa dalam Bahasa Melayu melalui cara permainan bahasa. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005.  
<http://www.web.apps.emoe.go.my/ipba/rdibpa/cd1/article52.pdf>
- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Aziz Abd. Talib. (2007). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik. Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian. (2001). Pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu: Masalah dalam kalangan pelajar bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*.
- Abdullah Hassan. (2004). Mengajar kemahiran komunikasi interpersonal. Kertas kerja di Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu pada 23 – 25 Mei 2004 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ahmad Khair Mohd Noor. (2005). Menulis membina ketrampilan berfikir. *Pelita Bahasa*, Julai 18 (7): 12-14.
- Chua Soon Bui. (2008). Kegagalan membaca, menulis atau mengira di kalangan murid Tahun 1 sekolah kebangsaan di Sabah dan Tawau. Perbahasan Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996.  
<http://www.sapp.org.my> (versi Bahasa Malaysia).
- Dewan Bahasa Pustaka. (2006). Memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Seminar Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Sistem Persekolahan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 19-21 Disember 2006.

- Evans, J. M. & Brueckner, M. M. (1990). *Elementary social studies teaching for today and tomorrow*. Massachussets: Allyn and Bacon.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof & Raja Mohd Fauzi Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif di kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*, 27.
- Haris Fadzilah Kassim. (2002). Masalah menulis karangan di kalangan pelajar tingkatan empat: Satu kajian kes. *Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hartini Husin. (2005). Meningkatkan kemahiran merumus karangan Bahasa Melayu di kalangan murid tahun 6 melalui permainan padanan kad. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005.
- Jeyagobi a/l Dhamodarem. (2008). Persepsi dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis di sekolah rendah kawasan Pensiangan-Salinatan daerah Nabawan, Sabah: Satu analisis. *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Islam*. <http://www.ipislam.edu.my/penyelidikan> (dipos ke web pada 5 Mei 2010).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001a). *Pembelajaran secara konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001b). *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSM*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepada Bahasa Melayu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan induk pembangunan pendidikan 2006-2010* (Edisi Pelancaran). Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. <http://www.moe.edu.my>.
- Liza Rozy Anak Ulok. (2009). Kaedah eklektik dan oral-aural dalam membantumurid tahun 3 menguasai suku kata KV dan KVKV. Buku koleksi kertas kerja di Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009, ms.180- 188.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). Murid dan alam belajar. Modul PGSR Semester 1. <http://www.iptaa.edu.my/Portal/.../09>
- Mohd Rasdi Saamah. (2002). Pelaksanaan komsas dalam pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah: Satu tinjauan. Jabatan Pengajian Melayu: Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan. <http://jmpipgtaa.webs.com/penulisan/komsas>
- Muhyidin Yassin. (2010). Tidak hanya bagus akademik. *Utusan Online* bertarikh 11 April 2010. <http://www.utusanonline.com.my>
- Nadzeri Isa. (2001). Kesan penggunaan bahan rangsangan terhadap prestasi penulisan karangan pelajar peringkat menengah rendah. Projek Master Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Noorazman Mahat. (2009). Panduan menulis karangan. <http://karanganbagus.blogspot.com>
- Noor Aainah Ag. Jaafar. (2007). Meningkatkan keupayaan menulis karangan sepanjang sekurang-kurangnya 350 patah perkataan dalam masa yang ditetapkan menggunakan kaedah salin dan jalin. <http://www.smk-jakir.net.modules/news/JurnalMunsyi/NoorAainah>

- Noor Azizah Ahmad. (2006). *Pengaplikasian teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Reka Cipta*. Projek Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Roselan Bakri. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ruhaida Mansor. (2005). Meningkatkan kemahiran murid tahun 1 dalam mengenal dan menulis abjad A hingga Z melalui pengajaran berteraskan prasekolah (Pengenalan abjad). *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA*. Penerbitan IPBA.
- <http://www.apps.emoe.gov.my/ipba/rdipba/cd1/article33.pdf>
- Seman Salleh. (2005). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian kes di sebuah sekolah rendah di daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur. *Jurnal IPBA*, 3 (2).
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub. (2003). *Psikologi pembelajaran dan personaliti*. Gombak, Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Zaleha M. Hashim. (2005). Penulisan kreatif latihan berfikir yang baik-satu pengalaman. *Pelita Bahasa*, Julai, 18 (7): 18-20.
- Suhaimi Yunus. (2009). Permasalahan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli. Projek Master Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Tay Meng Huat. (2003). *Satu tinjauan terhadap sikap dan masalah guru Bahasa Melayu di sekolah rendah jenis kebangsaan*.
- <http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/jurnal>
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.

**Maklumat lanjut, boleh hubungi:**

Dr. Fadzilah Abd. Rahman  
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia.  
[fadzilah@educ.upm.edu.my](mailto:fadzilah@educ.upm.edu.my)